

# INFO ZAKAT



KELUARAN 1/2025

EDARAN PERCUMA

## Celancaran PENJENAMAAN WAKAF DAN ZAKAT MAINPP & PERJUMPAAN BERSAMA TKM1



"AMANAH UMMAH DIJAGA,  
**HAK ASNAF DIBELA"**

Dapatkan maklumat berkaitan ZAKAT MAINPP  
di pelbagai medium rasmi kami:

[f](#) [i](#) [t](#) [y](#) [tik](#) **zakatpenang** **04-549 8088**



Laman Web Rasmi:  
[zakatpenang.com](http://zakatpenang.com)



Portal Pengguna:  
[zakatpenang2u.com](http://zakatpenang2u.com)



MALAYSIA  
MADANI  
kesajahteraan  
PENANG  
2030



# PELANCARAN PENJENAMAAN WAKAF DAN ZAKAT MAINPP & PERJUMPAAN BERSAMA TKM1

**BUTTERWORTH** - Satu Majlis Perjumpaan Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang Bersama Jabatan Dan Agensi Agama Islam Pulau Pinang telah diadakan di Dewan Kompleks Darul Hidayah, Permatang Tok Gelam, Teluk Air Tawar. Majlis ini bertujuan memupuk semangat kebersamaan antara agensi-agensi Islam di negeri ini.

Dalam majlis tersebut, Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang, YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid turut melancarkan penjenamaan semula Zakat Pulau Pinang dan Wakaf Pulau Pinang sebagai **Zakat MAINPP** dan **Wakaf MAINPP**, sebagai langkah memperkuuh struktur dan identiti institusi-institusi di bawah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

Dalam ucaptamanya, beliau turut menyentuh **Agenda Pembangunan Agama Islam 2030 (APAI2030)** yang mula dilaksanakan sejak Januari 2024, berteraskan lima fokus utama: Pembangunan Sosioekonomi, Pendidikan, Keluarga, Anak Muda, serta Dakwah dan Tarbiah. Sebanyak 14 strategi dan 70 pelan tindakan sedang digerakkan di bawah agenda ini.

Bagi memperkuuh operasi, beberapa penstrukturan di bawah MAINPP juga diumumkan termasuk penubuhan Divisyen Projek Khas di Zakat MAINPP dan penyerahan tiga unit pentadbiran wakaf di bawah MAINPP kepada Wakaf Pulau Pinang.

YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid mengakhiri ucapan dengan menyeru semua kakitangan agensi Islam negeri agar memberi sokongan penuh terhadap penjenamaan baharu serta pelaksanaan APAI2030, demi kemajuan umat Islam di Pulau Pinang.





## RHB Islamic Salur Zakat Sendiri kepada Asnaf melalui Skim Wakalah Zakat MAINPP

**BUKIT MERTAJAM** - Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang merangkap Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid telah menerima cek cura zakat korporat daripada RHB Islamic Bank Berhad dalam satu majlis ringkas yang telah berlangsung. Cek berkenaan diserahkan sendiri oleh Ketua Pegawai Kewangan RHB Islamic, Encik Khairul Hakeem Mohamed Sahari.

Usai penyerahan, pasukan RHB Islamic turut menyertai program turun padang bersama Zakat MAINPP menyantuni dua buah keluarga asnaf di sekitar Bukit Mertajam, sebagai sebahagian daripada Skim Wakalah Zakat MAINPP, satu inisiatif yang memberi peluang kepada pembayar zakat korporat yang menyumbang melebihi RM100,000 untuk mengagihkan sendiri zakat bersama MAINPP.

Skim ini membolehkan pengagihan zakat dilakukan secara lebih efektif, dekat dengan masyarakat, dan memberikan nilai tambah kepada jenama syarikat melalui penglibatan langsung dalam menyantuni asnaf. MAINPP menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada RHB Islamic dan seluruh pembayar zakat yang telah melaksanakan kewajipan ini di Pulau Pinang. Sumbangan anda amat besar ertiinya dalam meringankan beban asnaf dan membina masyarakat yang lebih sejahtera.

"Ya Allah, berkatilah usaha RHB Islamic dan semua pihak yang terlibat dalam penyerahan zakat ini. Limpahkanlah mereka dengan keberkatan, kejayaan, dan rezeki yang melimpah. Jadikanlah sumbangan mereka sebagai amal jariah yang memberi manfaat kepada asnaf dan umat Islam. Amin."





# Skim Agihan Zakat

## Kembali Ke Sekolah 2025

### Bantu Anak-Anak Asnaf



**NIBONG TEBAL** - Majlis Pelancaran Skim Agihan Zakat - Pembelian Tanpa Tunai "Kembali Ke Sekolah" 2025 bagi Daerah Seberang Perai Selatan telah berlangsung dengan jayanya di C-Mart Nibong Tebal. Ia menzhirkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Zakat MAINPP dalam membantu anak-anak asnaf membuat persediaan persekolahan.

Sebanyak RM438,300.00 dana zakat diperuntukkan untuk 2,922 murid di daerah ini. Manakala jumlah keseluruhan agihan di seluruh negeri Pulau Pinang mencecah RM3,190,800.00, melibatkan seramai 21,272 murid. Setiap pelajar menerima bantuan bernilai RM150.00 untuk pembelian keperluan asas sekolah seperti pakaian, kasut, beg, alat tulis, dan pakaian unit beruniform – semuanya melalui sistem pembelian tanpa tunai yang lebih cekap dan selamat.

Majlis ini disempurnakan oleh YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid, Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang merangkap Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). Beliau menyatakan bahawa inisiatif ini selari dengan aspirasi Visi Penang 2030, khususnya dalam usaha meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah.

Dalam ucapannya, beliau turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada para pembayar zakat atas kepercayaan dan sokongan yang diberikan selama ini.

"Sumbangan para pembayar zakatlah yang menjadi nadi kepada segala bantuan yang dapat disalurkan kepada anak-anak asnaf dan keluarga yang memerlukan. Terima kasih kerana terus bersama kami dalam usaha ini. Semoga Allah SWT membalas dengan sebaik-baik ganjaran," ujarnya.

Semoga bantuan ini menjadi suntikan semangat kepada anak-anak asnaf untuk terus belajar, melakar kejayaan, dan membina masa depan yang lebih cemerlang.

Zakat anda, harapan mereka. Teruskan menyokong usaha ini melalui portal rasmi - [zakatpenang2u.com](http://zakatpenang2u.com)



## MAINPP Seru Individu dan Syarikat Terus Berzakat di Pulau Pinang

**KEPALA BATAS** - Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) meneru agar individu dan syarikat untuk terus menuaikan zakat di Pulau Pinang bagi membantu asnaf fakir dan miskin yang memerlukan bantuan di negeri ini.

Seruan tersebut dizahirkan dalam Majlis Penyerahan Skim Agihan Tanpa Tunai "Back to School" 2025 bagi Daerah Seberang Perai Utara yang berlangsung di Pasaraya Mydin Bertam. Bantuan ini merupakan agihan zakat bernilai RM150 bagi setiap pelajar, yang boleh ditebus di 24 outlet yang telah dilantik oleh MAINPP, melibatkan jumlah keseluruhan sebanyak RM976,500 bagi daerah ini.

Sebanyak lebih 6,000 penerima menerima manfaat zakat di daerah ini, hasil sokongan berterusan para pembayar zakat di negeri ini. Program "Back to School" yang kini memasuki siri ketiga turut dilaksanakan serentak di seluruh negeri dengan nilai agihan keseluruhan mencecah RM3,190,800.00, melibatkan lebih 21,000 orang murid.



MAINPP turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pembayar zakat atas sokongan dan sumbangan ikhlas selama ini yang telah memungkinkan bantuan dapat disalurkan kepada golongan asnaf yang memerlukan.

Sesungguhnya, setiap ringgit zakat yang ditunaikan membawa perubahan besar dalam kehidupan mereka yang serba kekurangan.



# Majlis Pentauliah

## Amil Zakat Fitrah & Sumbangan Ihya' Ramadan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 1446H/2025M

SEBERANG JAYA - Majlis Pentauliah Amil Zakat Fitrah & Sumbangan Ihya' Ramadan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 1446H/2025M berlangsung dengan penuh meriah di Dewan Masjid Al-Muhajirin, Seberang Jaya.

Majlis dimulakan dengan ucapan aluan oleh YBhg. En. Mohamad Kairi Ghazalli, Ketua Pegawai Projek Zakat MAINPP yang kini menjalankan tugas-tugas Ketua Pegawai Eksekutif Zakat MAINPP. Seterusnya, ucapan penyempurnaan majlis disampaikan oleh YB Dato' Dr Mohamad bin Abdul Hamid, Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang merangkap Yang Di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

Sebagai sebahagian daripada usaha kerajaan negeri dalam memperkasa pengimaran masjid sepanjang Ramadan, majlis turut menyaksikan penyampaian cek cura sumbangan pengimaran masjid oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Sumbangan ini bertujuan untuk membantu masjid-masjid dalam penyediaan kemudahan serta pelaksanaan aktiviti keagamaan sepanjang bulan Ramadan, termasuk solat tarawih dan program Ihya' Ramadan.

Selain itu, Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) turut menyampaikan anugerah-anugerah khas kepada masjid-masjid yang telah menunjukkan komitmen tinggi dalam pengurusan serta aktiviti keagamaan sepanjang tahun. Anugerah ini diberikan sebagai penghargaan terhadap usaha masjid dalam memperkuuh institusi keagamaan dan kebijakan masyarakat setempat.

Pelbagai taklimat turut disampaikan sepanjang program, antaranya berkaitan pengurusan wakaf, zakat fitrah, serta peranan dan tanggungjawab amil.

Majlis diakhiri dengan sidang media pengumuman kadar zakat fitrah serta penyampaian dokumen-dokumen dan tauliah kepada amil kariah sebelum bersurai.



# MAJLIS IFTAR JAMAIE BERSAMA TKM1 & PENYERAHAN SAGUHATI HARI RAYA FAKIR MISKIN 2025



**BUTTERWORTH** - Majlis Iftar Jamaie Bersama TKM 1 Pulau Pinang & Penyampaian Saguhati Aidilfitri Kepada Asnaf Tahun 1446/2025 telah berlangsung dengan penuh meriah, menyantuni golongan asnaf dalam usaha menoktahkan kemiskinan tegar di negeri ini.

Majlis ini bukan sekadar acara berbuka puasa, tetapi juga sebagai sinergi dalam membantu golongan yang memerlukan. Selain iftar, turut diadakan penyampaian Saguhati Hari Raya kepada asnaf fakir dan miskin, sebagai inisiatif tahunan agihan zakat oleh Zakat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (Zakat MAINPP).

Pada tahun ini, sebanyak RM4,680,100.00 diperuntukkan bagi agihan saguhati kepada seramai 10,405 penerima di seluruh negeri, dengan setiap asnaf fakir menerima RM700.00, manakala asnaf miskin menerima RM600.00.

Dalam majlis ini, seramai 48 orang asnaf fakir dan miskin dari Kariah Permatang Tok Gelam, Permatang Binjai, dan Pekan Darat menerima sumbangan berjumlah RM49,300.00. Selain itu, 150 orang asnaf mualaf berdaftar dengan Kompleks Darul Hidayah turut menerima sumbangan.

Sumbangan anda telah memberi manfaat besar kepada asnaf di Pulau Pinang, membolehkan mereka menyambut Aidilfitri dengan penuh kegembiraan.

Semoga Allah SWT memberkati amal jariah anda dan melimpahkan rezeki yang lebih luas.



# Program Shopping Raya Penghuni Inapan Kasih Sayang (IKS) Bersama TKM1

**SEBERANG JAYA** - Inapan Kasih Sayang (IKS), sebuah asrama penginapan percuma yang ditubuhkan pada 2012 untuk anak-anak fakir miskin di Pulau Pinang. IKS menempatkan anak-anak dari keluarga yang memerlukan, khususnya bagi murid sekolah tahun empat, lima, dan enam.

Seramai 78 orang penghuni IKS telah berpeluang untuk membeli baju raya di Salim Wahab D'klassique, Seberang Jaya, dengan setiap seorang diberikan peruntukan untuk membeli satu persalinan lengkap baju raya sebagai persiapan menyambut Aidilfitri. Sumbangan baju raya ini adalah sebahagian daripada usaha MAINPP untuk memastikan anak-anak asnaf ini dapat menyambut hari raya dengan penuh kegembiraan, meskipun dari latar belakang yang kurang bernasib baik.

Setiap tahun, MAINPP membelanjakan lebih RM3 juta untuk menanggung kos operasi dan penginapan IKS yang terletak di Kepala Batas. Selain IKS, MAINPP juga menguruskan Pusat Jagaan Darul Hanan yang menempatkan warga emas dan Pusat Hemodialisis Zakat MAINPP. Semua ini dibiayai sepenuhnya melalui kutipan zakat yang dijalankan oleh MAINPP.

"Keberhasilan ini adalah hasil daripada sokongan pembayar zakat, baik individu maupun syarikat yang berusaha di Pulau Pinang. Oleh itu, saya menyeru kepada semua pihak untuk terus membayar zakat di negeri ini, sebagai satu usaha membantu mereka yang memerlukan," kata YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid, Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang merangkap Yang Dipertua MAINPP.

Melalui agihan zakat yang profesional dan cekap ini, diharapkan ia dapat memperluaskan bantuan untuk lebih ramai asnaf, serta membina kemampunan dalam ekosistem kewangan sosial Islam di Pulau Pinang.



# Pesakit Pusat Hemodialisis Zakat Terima Saguhati Aidilfitri



**GEORGE TOWN** - Seramai 223 pesakit yang menerima rawatan di Pusat Hemodialisis Zakat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) menerima saguhati Aidilfitri sebanyak RM700 setiap seorang dalam satu majlis yang berlangsung di Pusat Hemodialisis Zakat MAINPP (PHZ) Lebuh Buckingham, di sini.

Penyampaian saguhati ini telah disampaikan sendiri oleh Timbalan Ketua Menteri 1 Negeri Pulau Pinang, YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid, sebagai tanda keprihatinan terhadap pesakit yang menjalani rawatan dialisis.

Menurut YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid, sumbangan ini bertujuan meringankan beban pesakit dalam membuat persiapan menjelang Hari Raya Aidilfitri.

"Kami berharap bantuan ini dapat membantu meringankan beban pesakit, terutama dalam menghadapi kos rawatan dan persiapan menyambut Aidilfitri. Kerajaan negeri serta MAINPP sentiasa komited dalam menjaga kebijakan pesakit yang memerlukan," katanya ketika berucap dalam majlis tersebut.

Secara keseluruhan, sebanyak RM156,100 diperuntukkan bagi program ini yang melibatkan 223 penerima dari lapan cawangan Pusat Hemodialisis Zakat MAINPP di seluruh negeri Pulau Pinang.

Para penerima menyatakan rasa syukur atas bantuan yang diterima dan mengucapkan terima kasih kepada pihak berwajib atas keprihatinan yang diberikan kepada mereka.

Program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif berterusan Zakat MAINPP dalam menyalurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan, khususnya pesakit kronik yang bergantung kepada rawatan dialisis.





# RM4.2 Juta Zakat Diagih Kepada Asnaf Sempena Ramadan 2025

**SEBERANG JAYA** - Sebanyak RM4,248,900.00 diperuntukkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang melalui agensinya, Zakat MAINPP bagi membantu seramai 3,937 orang penerima dalam kalangan asnaf fakir dan miskin, di mana setiap penerima menerima wang tunai sebanyak RM700 beserta hamper bernilai RM100. Selain itu, sepanjang Ramadan lalu, sumbangan hamper telah diberikan kepada seramai 15,000 orang penerima, dengan jumlah peruntukan zakat sebanyak RM1.5 juta.

Program Agihan Zakat Nur Ramadan 1446/2025 berlangsung dalam suasana meriah di Dewan Wisma Al Ansar, Masjid Seberang Jaya. Majlis ini telah dihadiri seramai lebih 200 orang asnaf dari kariah yang berhampiran. Majlis yang diadakan di Dewan Al-Ansor, Masjid Al-Muhajirin, Seberang Jaya ini turut diserikan lagi dengan kehadiran YB Dato' Dr Mohamad Abdul Hamid, Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang merangkap YDP Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) yang menyempurnakan penyerahan bantuan kepada penerima.

Majlis dimulakan dengan bacaan doa dan ucapan aluan oleh Encik Mohamad Kairi Ghazalli, Ketua Pegawai Projek Zakat MAINPP yang menjalankan tugas Ketua Pegawai Eksekutif Zakat MAINPP.

Program yang dianjurkan setiap tahun ini bertujuan meringankan beban golongan asnaf menjelang Ramadan dan memastikan mereka dapat menyambut bulan mulia ini dengan lebih sempurna dan sejahtera. Majlis berakhir dengan sesi bergambar dan interaksi Dato' Dr Mohamad bersama penerima bantuan.

Dengan kemurahan hati para muzakki, ramai asnaf di Pulau Pinang mendapat manfaat. Semoga Allah SWT melimpahkan rezeki dan keberkatan kepada anda semua. Teruskan sumbangan zakat anda, semoga usaha anda diberkati.

# Zakat MAINPP Hulurkan Bantuan Kepada Keluarga Mangsa Kebakaran Di Teluk Kumbar

**TELUK KUMBAR** - Zakat MAINPP turun menziarahi 3 keluarga kurang bernasib baik yang terlibat dalam kebakaran di Kampung Paya awal Syawal lalu. Kejadian yang berlaku sekitar jam 10 malam itu memusnahkan hampir keseluruhan rumah yang didiami.

Pasukan bomba bertungkus-lumus memadamkan api selepas menerima panggilan kecemasan. Tiada kecederaan dilaporkan, namun musibah ini telah menambah sedih dan sayu buat keluarga-keluarga yang terlibat, yang sepatutnya meraikan Aidilfitri dengan kegembiraan Bersama keluarga.

Zakat MAINPP bersama YB Dato' Azrul Mahathir Aziz, ADUN Bayan Lepas, Penghulu Daerah Barat Daya, serta Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), turun padang untuk menyerahkan bantuan kecemasan kepada mangsa-mangsa kebakaran. Sumbangan ini diharap dapat meringankan beban mereka yang terkesan akibat musibah tersebut.

Bantuan tersebut memberi sedikit kelegaan dan keringanan kepada keluarga-keluarga mangsa yang melalui saat-saat sukar ini. Teruskan bersama Zakat MAINPP dalam usaha meringankan beban asnaf-asnaf di Pulau Pinang.

Zakat anda boleh disalurkan secara dalam talian melalui portal - [zakatpenang2u.com](http://zakatpenang2u.com)



## Galeri Pembayaran Zakat



**En. Azmin Dato' Hj. Saduruddin  
Pengarah Eksekutif  
Iman Ikhlas (M) Sdn Bhd  
Mydin Wilayah Utara**



**Dato' (Dr) Hj. Saduruddi  
Gulam Husen  
Pengarah Iman Ikhlas (M) Sdn Bhd**




**Dato' Seri Yusuf Taiyoob  
Pengarah Urusan  
Yusuf Taiyoob Sdn Bhd**




**En. Azlan  
Pengarah Urusan Restoran  
Maqbul Nasi Kandar**



**Dato' Hj. Rijal Abdullah Sharri  
Ketua Pegawai Eksekutif  
AEO Freight Sdn Bhd**



**Tuan Shahjahan  
VM Mohamad Ibrahim  
Dari KMA Trading Sdn Bhd**



**En. Razeen Hamdan Ramzan Ali  
Pemilik  
Ramzan Jewellers**

**Jom Tambah Zakat Bulanan Anda**

melalui Skim Sakinah

Daftar Skim Sakinah (Skim Potongan Zakat Bulanan) anda secara **online** sekarang

[www.zakatpenang.com](http://www.zakatpenang.com)

"Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela"

# FIDYAH

184. (Yaitu) beberapa hari tertentu.  
Maka barangsiapa di antara kamu sakit atau dalam perjalanan (lalu tidak berpuasa),  
maka (wajib mengantik) sebanyak hari (yang dia tidak berpuasa itu) pada hari-hari yang lain.  
Dan bagi orang yang berat menjelankannya, wajib membayar fidyah, yaitu memberi makan  
seorang miskin. Tetapi barangsiapa dengan kerelaan hati mengerjakan kebaikan, maka itu  
lebih baik baginya, dan puasamu itu lebih baik bagimu jika kamu mengetahu.

(Surah Al-Baqarah: 184)

## Bayar Fidyah di Zakat Pulau Pinang, MAINPP

**RM1.75** /sehari

Kira & bayar fidyah dalam talian di portal  
[zakatpenang2u.com](http://zakatpenang2u.com)



atau imbas  
kod QR



Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela

**PERMULAAN KE IPT**  
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG

(Bagi kemasukan Dalam & Luar Negara Tahun 2025)

Skim ini bertujuan untuk membantu ibu bapa dan pelajar menampung perbelanjaan awal semasa mendaftar ke Institusi Pengajian Tinggi sama ada IPTA atau IPTS di dalam dan luar negara.

**Syarat Utama**

1. Beragama Islam.
2. Terbuka kepada kemasukan permulaan ke IPT sahaja.
3. Permohonan dibuka sepanjang tahun.
4. Pemastautin tetap negeri Pulau Pinang.
5. Permohonan sah dalam tempoh 6 bulan pertama daripada tarikh surat tawaran.

Mohon Melalui Portal Rasmi [zakatpenang2u.com](http://zakatpenang2u.com)

1. DAFTAR & lengkapkan maklumat yang diperlukan  
2. MUATNAIK dokumen lampiran  
3. HANTAR permohonan  
4. SEMAK permohonan

Sijil/Matrikulasi	RM800.00	Sebarang Pertanyaan, Sila Hubungi: BAHAGIAN AKADEMIK DAN PENDIDIKAN <b>Unit Pendidikan &amp; Dermasiswa,</b> Majlis Agama Islam Negeri Pulau pinang Tel: 04-549 8088 (Ext: 125 / 129 / 155 / 168) WhatsApp: 0111 507 1117 / 019 431 9199 Emel: pendidikan@mainpp.gov.my
Diploma	RM1,000.00	
Ijazah Sarjana Muda	RM1,200.00	
IPT Luar Negara	RM2,500.00	

Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela

**DERMASISWA PENGAJIAN**  
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG

DIPLOMA – IJAZAH SARJANA MUDA – IJAZAH SARJANA – IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

Institusi yang tersenarai dalam MQA / Kerajaan Malaysia Sahaja

**Syarat Umum**

1. Beragama Islam.
2. Pemastautin tetap negeri Pulau Pinang.
3. Tidak mendapat bantuan/tajaan pembiayaan, biasiswa atau pinjaman boleh ubah dari mana-mana pihak kecuali PTPTN dan Bantuan Kewangan Negeri Pulau Pinang.
4. Keputusan peperiksaan tahun semasa kumulatif 2.75 dan ke atas kecuali bagi pelajar luar negara.
5. Permohonan hanya sekali sahaja dalam tempoh setahun.
6. Keputusan peperiksaan pelajar Timur Tengah perlu mendapatkan pengesahan dari pegawai Atase Pulau Pinang.

\* Pelajar Mesir - Tiada tunggakan Yuran Wisma Seri Mutiara/ Seri Pinang

Mohon Melalui Portal Rasmi [zakatpenang2u.com](http://zakatpenang2u.com)

Sebarang Pertanyaan, Sila Hubungi:  
BAHAGIAN AKADEMIK DAN PENDIDIKAN  
**Unit Pendidikan & Dermasiswa,**  
Majlis Agama Islam Negeri Pulau pinang  
Tel: 04-549 8088 (Ext: 125 / 129 / 155 / 168)  
WhatsApp: 0111 507 1117 / 019 431 9199  
Emel: pendidikan@mainpp.gov.my

Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela

## SIDANG REDAKSI

### PENASIHAT

MOHAMAD  
KAIKI GHAZALLI  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
ZAKAT MAINPP

### SIDANG EDITOR

HAZRRIE ABU BAKAR  
PENGURUS BESAR  
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN  
DAN KOMUNIKASI KORPORAT

DR. WAFDI  
AUNI MOHAMED  
EKSEKUTIF BAHAGIAN  
DAWKAH DAN SYARIAH

### KETUA EDITOR

KHAIROL AZHAR  
ZULKIFLI  
PENGURUS BAHAGIAN  
KOMUNIKASI KORPORAT

### EDITOR

MOHAMAD FADZIL  
JAMALUDDIN

### JURUGAMBAR

AHMAD AZRUL HALIT/  
MOHD HUSSEIN/  
SITI JAUHARAH SILAH HUDIAN